



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-208 BIL. 15/2026

PELAKSANAAN KAWALAN PERBELANJAAN DAN PENGANJURAN AKTIVITI BADAN PELAJAR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan merujuk kepada Arahan Kawalan Perbelanjaan Awam selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Mac 2026 serta surat Kementerian Pendidikan Tinggi rujukan KPT.400-2/1/1 Jld. bertarikh 18 Mac 2026 dan surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.600-1/4/1 JLD.19 (16)S bertarikh 12 Mac 2026 berkaitan pelaksanaan langkah kawalan perbelanjaan awam.

Sehubungan itu, pihak universiti melaksanakan langkah kawalan perbelanjaan bagi semua penganjuran aktiviti dan penggunaan peruntukan Badan Pelajar. Pelaksanaan ini bertujuan memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara berhemah, berintegriti serta mematuhi arahan semasa Kerajaan.

Oleh itu, semua Badan Pelajar adalah **DIKEHENDAKI** untuk mengambil perhatian dan mematuhi perkara-perkara berikut:

- a) Tidak menganjurkan program berbentuk **rumah terbuka Aidilfitri** atau **majlis seumpamanya** yang melibatkan perbelanjaan tidak kritikal. Menghadkan penganjuran aktiviti kepada keperluan penting sahaja serta mengoptimumkan penggunaan peruntukan sedia ada secara berhemah.
- b) Mengutamakan **kaedah penjimatan kos** dalam pelaksanaan setiap program dan aktiviti.
- c) Mengelakkan **pembaziran** serta memastikan setiap perancangan aktiviti memberi impak yang jelas dan signifikan kepada pelajar dan universiti.
- d) Melaksanakan **langkah penjimatan utiliti** seperti berikut:
 - i. Menetapkan suhu penghawa dingin sekurang-kurangnya 24°C.
 - ii. Memastikan lampu dan peralatan elektrik ditutup apabila tidak digunakan.
- e) Menyemak semula perancangan aktiviti dan membuat pelarasan sewajarnya agar selaras dengan pelaksanaan kawalan perbelanjaan yang berkuat kuasa.

Walau bagaimanapun, **program atau majlis yang dilaksanakan menggunakan perbelanjaan sendiri, sumbangan peribadi atau secara potluck tanpa melibatkan peruntukan kewangan Badan Pelajar atau universiti adalah dibenarkan**. Namun demikian, program tersebut masih tertakluk kepada prosedur kelulusan penganjuran

program universiti dan tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan kewangan atau menggunakan peruntukan Badan Pelajar bagi tujuan tersebut.

Sebarang permohonan program yang tidak selaras dengan pelaksanaan kawalan perbelanjaan ini boleh ditangguhkan atau tidak dipertimbangkan untuk kelulusan. Kegagalan mematuhi perkara ini juga boleh menjejaskan pertimbangan kelulusan program dan peruntukan pada masa akan datang.

Kerjasama dan pematuhan semua Badan Pelajar terhadap pelaksanaan kawalan perbelanjaan ini amatlah diharapkan bagi memastikan pengurusan kewangan universiti dilaksanakan secara berhemah, cekap dan mematuhi arahan semasa Kerajaan.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

**Akademi ADAB
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Tarikh: 2 April 2026**